



Kenyataan Media

CYBERJAYA

6 Januari 2023

MCMC MENYAMBUT BAIK PELANTIKAN DATUK MUHAMMAD AZMI SEBAGAI PENGERUSI INTERIM BAHARU BERKUAT KUASA 5 JANUARI 2023

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) mengucapkan tahniah dan menyambut baik pelantikan YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain sebagai Pengerusi Interim MCMC yang baharu berkuat kuasa 5 Januari 2023.

YBhg. Datuk Muhammad Azmi mengambil alih kepimpinan MCMC daripada Pengerusi Interimnya, YBhg. Tan Sri Mohamad Salim bin Fateh Din yang menerajui MCMC semenjak 10 Jun 2022. YBhg. Tan Sri Mohamad Salim telah meletak jawatan pada 20 Disember 2022.

YBhg. Datuk Muhammad Azmi merupakan seorang Pegawai Tadbir dan Diplomatik yang mempunyai pengalaman luas dalam sektor awam selama 26 tahun di pelbagai kementerian dan jabatan kerajaan. Kini beliau adalah Ketua Pengarah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG), Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. MCMC yakin pengalaman luas serta ketokohan YBhg. Datuk Muhammad Azmi dalam perkhidmatan awam akan membantu usaha MCMC melonjakkan perkembangan sektor telekomunikasi dan multimedia.

MCMC ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YBhg. Tan Sri Mohamad Salim atas sumbangan dan perkhidmatan beliau sepanjang menerajui MCMC serta memastikan industri kekal relevan dan terus berdaya saing.

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



SKMM_MCMC



MCMCTV